

01/10/2001

Duta baru Amerika sedia bekerjasama perangi keganasan

SEPANG, Ahad - Duta baru Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia, Marie T Huhtala akan bekerjasama dengan kerajaan Malaysia memerangi keganasan bagi mengelak tragedi di New York dan Washington berulang.

"Kedua-dua negara bersama hampir semua negara di dunia berhadapan dengan cabaran hebat terutama dalam memerangi keganasan.

"Serangan ke atas New York dan Washington awal bulan ini adalah serangan ke atas kita semua," katanya kepada pemberita setibanya di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), di sini hari ini.

Beliau berkata, AS berterima kasih di atas peningkatan perlindungan dan kerjasama yang diberikan kerajaan Malaysia ke atas kedutaan serta terharu dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengutuk keras keganasan.

Huhtala, anak kelahiran California yang menyertai Perkhidmatan Luar AS pada 1972, juga mengucapkan takziah kepada keluarga rakyat Malaysia yang masih hilang dalam serangan pada 11 September itu.

Katanya, AS dan Malaysia berkongsi hubungan dan kerjasama dalam pelbagai bidang dan perhubungan itu adalah berasaskan kepada kepentingan bersama bagi memastikan kestabilan dan kemakmuran serantau.

AS adalah pelabur asing terbesar dan pasaran eksport utama Malaysia, kata Huhtala yang sebelum ini bertugas sebagai Menteri Penasihat dan Timbalan Ketua Misi di Kedutaan AS di Bangkok, Thailand.

Beliau berkahwin dengan Eino Huhtala Jr dan mempunyai dua anak yang sudah dewasa. Huhtala memulakan kerjayanya di pejabat kedutaan di Paris, Perancis; Chiangmai, Thailand; Taipei, Taiwan dan Hong Kong.

"Saya berharap dapat mengenali seramai mungkin pegawai kerajaan, ahli perniagaan, media dan pertubuhan persendirian untuk bertukar-tukar idea mengenai pelbagai isu yang penting kepada Amerika termasuk pembangunan ekonomi, serantau dan hak asasi manusia," katanya.

Dari 1992 hingga 1995 wanita itu bertugas sebagai Konsul Jeneral dan Pegawai Utama di Konsulat AS di Bandaraya Quebec, Kanada.

Huhtala yang fasih berbahasa Perancis, Thai dan Cina menggantikan B Lynn Pascoe yang kini berkhidmat di Washinton sejak Ogos lalu.

Sementara itu, dalam kenyataannya, beliau yakin kedua-dua negara dapat berkongsi pengalaman dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama bagi mengekalkan kestabilan serta kemakmuran serantau.

Katanya, Amerika adalah pelabur asing terbesar selain menjadi pasaran eksport utama bagi Malaysia dan banyak syarikat gergasi negara itu mempunyai cawangan di sini.

(END)